

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Wilson Ugak Kumbong**
(Hulu Rajang)
TARIKH : **17.03.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **9**

Y.B. Tuan Wilson Ugak Kumbong minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan program-program serta kemudahan khusus yang disediakan oleh pihak SME Bank bagi membantu usahawan kecil sederhana tempatan terutamanya dari golongan Bumiputera Dayak bagi meningkatkan daya saing mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan yang telah diberikan mandat untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), SME Bank sentiasa bersedia membantu PKS yang berdaya maju. Sejak penubuhannya pada bulan Oktober 2005 sehingga kini SME Bank telah meluluskan pembiayaan hampir RM 18 billion kepada sekitar 11,000 PKS. Sebanyak 90 peratus daripada jumlah keseluruhan tersebut adalah daripada PKS Bumiputera.

Jumlah keseluruhan pembiayaan semenjak penubuhan bagi negeri Sarawak adalah sebanyak RM 1.2 billion untuk 591 PKS di Sarawak. Manakala jumlah pembiayaan (pinjaman) SME Bank yang telah diluluskan kepada golongan Bumiputera Dayak di Sarawak ialah sebanyak RM 14.83 juta yang melibatkan 35 pelanggan daripada 3 buah bandar iaitu Kuching, Miri dan Bintulu.

SME Bank menawarkan pelbagai dana dan program kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Program ini terbuka kepada semua PKS dari peringkat dengan izin *start-up* sehingga ke peringkat antarabangsa (*export ready*). Sebagai contoh, Dana Usahawan Muda dan Tabung Usahawan Siswazah (TUS) diwujudkan bagi membantu golongan muda memulakan perniagaan. Manakala Dana Pembangunan Halal diwujudkan khusus untuk membantu PKS mengeksport produk mereka ke luar negara. Bagi tahun 2014, SME Bank mensasarkan kelulusan pembiayaan sekitar RM400 juta untuk keseluruhan pembiayaan di negeri Sarawak yang meliputi semua kaum.

Di samping kemudahan pembiayaan, SME Bank melalui anak syarikatnya iaitu Centre For Entrepreneur Development & Research Sdn. Bhd. (CEDAR) turut menyediakan latihan keusahawanan bagi mempertingkatkan kemahiran usahawan dalam menguruskan perniagaan. Latihan berkenaan dilaksanakan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.